

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 APRIL 2017

Projek Rumah Mampu Milik agenda kerajaan BN

KUALA LUMPUR 22 April - Projek Rumah Mampu Milik menjadi antara agenda utama pembangunan kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak mengambil alih teraju pentadbiran negara sebagai Perdana Menteri pada tahun 2009.

Menurut Datuk Seri Najib Tun Razak, kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif menggubal dasar dan melaksanakan pelbagai program perumahan bersifat prorakyat demi memberi peluang kepada setiap rakyat negara ini memiliki rumah sendiri yang selesa dan berkualiti.

Kata Perdana Menteri, pihaknya juga memastikan konsep pembangunan secara inklusif menjadi teras dalam programnya agar tiada terpinggir atau ketinggalan terutama sekali golongan masyarakat berpendapatan rendah atau B40.

"Banyak projek telah diusahakan dan diserahkan kepada penduduk, antaranya Residensi Kerinchi, 1Razak Mansion dan sebagainya.

"Malah, petang semalam, saya ke Melaka menghadiri Majlis Penyerahan Kunci Program Perumahan Rakyat (PPR) Tehel di Mukim Bemban, Jasin bagi merealisasikan impian rakyat Melaka memiliki kediaman sendiri," katanya menerusi blog *NajibRazak.com* hari ini.

Kata beliau, projek PPR Tehel yang melibatkan pembinaan sebanyak 500 unit rumah itu, berkeluasan 700 kaki persegi dan ditawarkan pada harga RM35,000 seunit, jauh lebih murah daripada kos pembinaan sebenar iaitu RM160,000 seunit, selain dijangka akan mencecah RM400,000 seunit dalam beberapa tahun.

"Unit rumah PPR Tehel ini bukan sahaja mampu milik, malah dilengkapi dengan sistem teknologi hijau, *iCycle* dan perangkap nyamuk solar.

UM - 23/4/2017

Semua ini juga adalah satu manifestasi negara cemerlang yang sentiasa mendahului rakyat, keupayaan dan kemampuan tinggi kita untuk membantu semua yang memerlukan."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

"Antara penerima kunci rumah PPR Tehel ialah Norhamimah Rahim, orang kurang upaya (OKU) dan ibu kepada tiga anak serta M. Dave yang mencari nafkah sebagai tukang kebun untuk keluarganya dan membesarkan empat anak," katanya.

Tambahnya, seorang lagi penghuni baharu PPR Tehel, Tai Lee Hwa pula bekerja di sebuah kedai dobi untuk menanggung kehidupannya bersama tiga anak.

Dalam pada itu Perdana Menteri berkata, lebih 1,400 unit rumah telah siap dibina dan diserahkan kepada penduduk yang tinggal di Melaka sahaja.

Kata beliau, usaha di Melaka tidak akan terhenti begitu sahaja, malah akan ada projek PPR baharu yang mana 160 unit lagi akan dibina di Tangga Batu.

"Ini jelas mencerminkan keprihatinan dan komitmen kerajaan untuk membantu golongan B40 menaikkan taraf hidup mereka. Semua ini juga adalah satu manifestasi negara cemerlang yang sentiasa mendahului rakyat, keupayaan dan kemampuan tinggi kita untuk membantu semua yang memerlukan," jelasnya.